



RIBI



Sistem pengumpulan data dan maklumat
rumah ibadat bukan Islam (RIBI) Pulau Pinang

RIBI

rumah ibadat bukan Islam

eRIBI

sistem pengumpulan data dan maklumat RIBI
di Pulau Pinang

Kata Pengantar**Mengenai eRIBI**

6

Jawatankuasa eRIBI

8

Definisi RIBI

10

Kategori RIBI

11

Kategori Bukan RIBI

14

Pendaftaran e-Direktori

16

Pengguna Sistem eRIBI

18

Kata Pengantar



Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Penang Harmony Corporation (HARMONICO) yang dipertanggungjawabkan buat julung kalinya bagi memulakan inisiatif Sistem eRIBI ini.

Sesungguhnya, pengenalan secara atas talian bagi Sistem Pengumpulan Data dan Maklumat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Pulau Pinang adalah sangat bersesuaian dan tepat pada masanya, selaras dengan kemajuan dan transformasi pendigitalan yang semakin rancak pada masa kini.

Platform Sistem eRIBI yang dilancarkan ini dirangka untuk menjadi pemudahcara bagi menghubungkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan komuniti bukan Islam bagi pengurusan hal ehwal bukan Islam secara lebih sistematik dan teratur.

Dengan kejayaan pendigitalan Sistem eRIBI ini, ia telah meletakkan Pulau Pinang di suatu kedudukan yang lebih jauh lebih baik dalam merealisasikan manifestasi tadbir urus yang inklusif dan mampu terutama ke arah pendigitalan perkhidmatan agensi Kerajaan Negeri kepada rakyat.

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Pulau Pinang adalah negeri yang berwarna-warni dan inklusif, di mana kita mempunyai banyak perayaan keagamaan sepanjang tahun, justeru terdapat banyak peluang untuk mengenali dan mempelajari mengenai agama serta budaya yang pelbagai di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, inventori rumah ibadat bukan agama Islam adalah terpecah-pecah dan agak terhad, berikutan pendaftaran yang bertaburan dalam beberapa sistem yang berbeza. Oleh itu, eRIBI diperkenalkan untuk berfungsi sebagai satu sistem yang boleh merekod, merancang, dan sekaligus untuk membantu pengendalian hal ehwal agama bukan Islam di negeri ini dengan lebih sistematik dan berinstitusi.

Dengan ini, saya ingin menggalakkan semua pihak untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk mempromosikan sistem eRIBI, supaya Pulau Pinang dapat pergi lebih jauh dalam matlamatnya untuk menjadi sebuah “negeri pintar”.


Yang Berhormat Puan Chong Eng

Pengerusi
Jawatankuasa Pembangunan Sosial Dan Hal Ehwal Bukan Islam
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang



Mengenai eRIBI

Satu sistem yang mengumpul data dan maklumat rumah ibadat bukan Islam (RIBI) di Pulau Pinang secara menyeluruh, lengkap dan berpusat. Sistem eRIBI adalah selaras dengan visi Penang2030 — Negeri Pintar dan Hijau, Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.





Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- i. Mengumpul rekod dan mengesahkan data RIBI di Pulau Pinang;
- ii. Menerima dan meluluskan permohonan peruntukan melalui sistem eRIBI; dan
- iii. Pangkalan data RIBI seperti sijil pendaftaran, rekod / log peruntukan yang diterima oleh RIBI berkenaan.



Rumah Ibadat Bukan Islam

- i. Mengemaskini data RIBI sendiri dalam sistem eRIBI; dan
- ii. Membuat permohonan peruntukan melalui sistem eRIBI.



Orang Awam

- i. Mempunyai akses untuk melayari RIBI di Pulau Pinang mengikut lokasi atau kategori agama; dan
- ii. Pengumuman / Info terkini mengenai hal ehwal agama selain Islam di Pulau Pinang melalui platform ini.

Jawatankuasa eRIBI

MMK Hal Ehwal Bukan Islam

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Agama Selain Islam yang kemudiannya dijenamakan semula kepada Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam. Penjenamaan semula ini adalah selaras dengan keperluan semasa untuk pemulihan ekonomi pasca COVID-19 dan mempercepatkan pencapaian Penang2030. Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam kini dipengerusikan oleh YB Puan Chong Eng. Antara peranan dan tanggungjawab di bawah MMK Hal Ehwal Bukan Islam merangkumi:

- i. Memantau perkembangan pengurusan hal ehwal agama selain Islam di Pulau Pinang;
- ii. Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar Kerajaan Negeri berkaitan hal ehwal agama selain Islam peringkat Negeri Pulau Pinang;
- iii. Mengadakan sesi dialog dan menggalakkan penglibatan NGO untuk membantu menyelesaikan isu-isu berkaitan hal ehwal agama selain Islam di Pulau Pinang;
- iv. Merancang dan melaksanakan perayaan-perayaan agama selain Islam; dan
- v. Menggalakkan keharmonian agama dalam masyarakat Pulau Pinang.

HARMONICO

Penang Harmony Corporation

Penang Harmony Corporation (HARMONICO) telah ditubuhkan pada Mac 2021, sebagai agensi pelaksana bagi mengurus tadbir hal-hal berkaitan hal ehwal agama selain Islam dan sebagai penggerak utama kepada strategi-strategi atau dasar-dasar yang telah digubal di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Visi HARMONICO adalah untuk memupuk nilai-nilai sejagat dan pemahaman rohani di kalangan agama yang berbeza sebagai asas kepada masyarakat yang inklusif dan harmoni. Sistem eRIBI akan diuruskan oleh HARMONICO dan semua maklumat dan data di bawah sistem ini adalah hak milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



Rumah Ibadat

Definisi RIBI

- i. RIBI merupakan tapak ibadat yang disediakan untuk orang ramai bagi melaksanakan aktiviti keagamaan bukan Islam.
- ii. Tapak tersebut disediakan dalam bentuk bangunan. Penganut-penganut agama boleh menjalankan upacara sembahyang atau meraikan perayaan keagamaan dalam tapak tersebut.
- iii. Penyediaan RIBI disediakan bertujuan untuk memenuhi keperluan spiritual para penganut. Penganut boleh menjalankan aktiviti keagamaan dengan selesa dan boleh berinteraksi dengan golongan mempunyai kepercayaan agama yang sama.
- iv. RIBI juga berperanan sebagai satu ruang yang membentarkan penganut untuk berkongsi pengajian dan pengetahuan keagamaan sesama sendiri.
- v. Tapak RIBI yang mempunyai nilai tarikan seperti warisan atau seni bangunan juga mampu mewujudkan sifat persinggahan kepada para pelancong selain untuk penganut agama.
- vi. Bangunan tersebut perlu dipelihara untuk generasi seterusnya.
- vii. Justeru itu, RIBI perlu dibangunkan secara terancang berdasarkan keperluan sebenar.
- viii. Penekanan kepada aspek-aspek ini adalah penting bagi memudahkan penganut menjalankan aktiviti keagamaan dengan selesa yang seterusnya dapat meningkatkan amalan spiritual komuniti setempat.

Bukan Islam

Kategori



Tokong Buddha

Tokong Buddha terdiri daripada Mahayana Tradisi Han China, Vajrayana Tradisi Tibetan, dan Theravada Tradisi Sri Lanka. Tokong Buddha merupakan satu tempat atau kawasan untuk penganut Buddha menjalankan aktiviti keagamaan dan mempelajari agama Buddha, ia juga merupakan tempat penginapan untuk Sangha atau Sami, pusat pendaftaran kahwin, pusat perubatan Cina percuma, dewan peringatan, krematorium, tadika dan lain lain.



Tokong Tao

Tempat Ibadat Agama Tao adalah disebut sebagai “*Dao Guan*” “道观” dalam Bahasa Cina dan “*Ang Kong Keng*” dalam Hokkien. “*Miao 庙*” (tokong) , “*Gong 宫*” (istana), “*Fu 府*”(rumah orang besar / mewah) atau “*Tang 堂*” (dewan depan) merupakan antara sebutan tokong Tao di Malaysia. Senibina Tokong Tao selalunya mempunyai ruang terbuka di ruang tengah tokong yang bercirikan bangunan tradisi Cina. Terdapat pelbagai jenis dan saiz tokong Cina (tokong taoist) di Malaysia yang menyembah dewa-dewi berlainan.

Wat Siam



Kuil Hindu



Rumah ibadat untuk penganut agama Buddha yang berbangsa Siam penduduk Thai dalam Bahasa Siam (Bahasa Thai). Tokong Buddha adalah disebut sebagai Wat. Di Malaysia, kebanyakan penganut Buddha tradisi Siam adalah kaum Siam Malaysia yang juga merupakan bumiputera Malaysia.

Kuil (pinjaman Bahasa Tamil: கோயில் kōyil atau கோவில் kōvil) ialah tempat ibadat bagi penganut agama Hindu atau "Sanatana Dharma". Terdapat banyak aliran dalam agama Hindu, antaranya aliran Trimurti (Brahma The Creator, Vishnu The Preserver and Shiva The Destroyer), aliran mengikut 4 klasifikasi yang terdiri daripada Vaishnavism(Vishnu), Shaivism(Shiva), Shaktism (Shakti) serta Smartism dan banyak lagi aliran-aliran lain.

Gereja



Gurdwara



Gereja merupakan tempat penganut Kristian untuk memuji Yesus Kristus dan mempelajari agama Kristian. Dalam seni bina tradisional Kristian, gereja sering membentuk salib Kristian manakala gereja moden meliputi pelbagai unsur seni bina. Selain itu, reka bentuk bangunan gereja banyak dipengaruhi oleh faktor sejarah dan tradisi kelompok Kristian berkaitan.

Tempat ibadat agama Sikh tertumpu pada Gurdwara yang juga bermaksud “pintu kepada guru”. Agama monoteisme yang hanya percaya kepada satu tuhan iaitu waheguru. Tuhan tidak mempunyai dan tidak dimanifestasi dalam bentuk fizikal. Kesaksamaan yang menolak semua perbezaan sosial dan perkhidmatan kepada umat manusia. Matlamat hidup adalah untuk mencapai sama seperti mokhsa agar tidak dilahirkan semula dalam kitaran.

Kategori Bukan RIBI




Clan House / Kongsi

Bangunan-bangunan yang rupa dan fungsinya semirip dengan bangunan RIBI. Tapak tersebut bukan disediakan untuk kegunaan agama tetapi digunakan sebagai tempat perjumpaan atau aktiviti-aktiviti persatuan oleh ahli-ahli persatuan sahaja. Fungsi persatuan tidak meliputi keseluruhan kumpulan penganut dan hanya memberi kemudahan kepada golongan tertentu sahaja. *Clan House* atau *Kongsi* ditubuhkan bagi kegunaan ahli-ahli yang berketurunan atau nama keluarga yang sama. *Clan House* juga digunakan untuk perjumpaan ahli-ahli, penyembahan nenek moyang dan aktiviti-aktiviti lain.

Shrine

Tempat suci yang didedikasikan untuk dewa-dewi. Struktur pembinaan akan didirikan untuk kegunaan penyembahan dan pemuliaan dewa-dewi sama ada untuk agama Buddha, Tao atau Hindu.



Tapak Perkuburan Atau Krematorium

Setiap tapak perkuburan dan krematorium dilengkapi dengan *shrine* atau ruang sembahyang. Fungsi utama *shrine* atau ruang sembahyang tersebut adalah untuk ahli keluarga memberi penghormatan kepada dewa-dewi yang menjaga tapak perkuburan terutamanya di musim *Ching Ming* dan hari ulang tahun kematian.



Pendaftaran e-Direktori

eRIBI (rumah ibadat bukan Islam) Pulau Pinang



Maklumat Asas

1. Nama dalam Bahasa Malaysia
2. Nama dalam Bahasa Ibunda
3. Alamat
4. Parlimen
5. KADUN
6. Daerah
7. Mukim/Seksyen

1

Maklumat RIBI

1. Kategori
2. Agama

2

Maklumat Pengurusan

1. Nama Pertubuhan
2. Agensi Pendaftaran
(contoh: ROS, SSM, Akta / Warta)
3. No. Pendaftaran
4. Nama Pengerusi / Presiden / Setiausaha
5. No. Tel Pengerusi / Presiden / Setiausaha
6. Nama Pemegang Akaun
7. Nama Bank
8. No. Akaun Bank Pertubuhan

3

Maklumat Tambahan

1. Perkhidmatan / Aktiviti (Senarai)
2. Perayaan
3. Latar Belakang / Sejarah
4. Tahun Ditubuhkan
5. Kenalan Umum (Telefon)
6. Kenalan Umum (E-mel)
7. Pautan Laman Web
8. Pautan Sosial Media
9. Dewa-Dewi Aliran
 - i. Buddha (contoh: Theravada, Mahayana, Vajrayana)
 - ii. Taoisme (contoh: Guan Yin, Da Bo Gong, Jiu Wang Ye)
 - iii. Hindu (contoh: Mariamman, Subramanian, Vishnu, Shiva, Ganesha, Murugan)
 - iv. Kristian (contoh: Roman Catholic, Anglican, Pentecostal Charismatic, Methodist, Baptist, Brethren, Presbyterian, Luteran)
10. Operasi (Hari, Masa Mula, Masa Tamat)
11. Akses Awam (Ya / Tidak)

4

Maklumat Tanah

1. Pemilikan Tanah
2. Kategori Guna Tanah
3. Jenis Bangunan
4. Keadaan Bangunan
5. No. Lot

5


Muat Naik


1. Gambar Hadapan RIBI
2. Imej RIBI
3. Sijil Pendaftaran
4. Salinan Resit Cukai Tanah / Geran

6



Pengguna Sistem eRIBI







Penang Harmony Centre

No. 15, Jalan Scotland,
10450 George Town,
Pulau Pinang

04 - 226 1582
info@harmonico.my
harmonico.my



PENANG
2030

♥ PENANG



eribi.gov.my